

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	IIM, MIMOS meterai MoU untuk gunakan ujian Integriti Malaysia	BERNAMA
2.	Penipuan duduki tempat teratas dalam jenayah cyber – CyberSecurity	BERNAMA
3.	Kesan 380 titik panas	Harian Metro
4.	Jerebu: Wan Junaidi suarakan kebimbangan, lebih banyak titik panas dikesan	BERNAMA
5.	380 hotspots detected	The Star
6.	Haze advisory issued to schools in Penang	The Star
7.	Empat individu dipanggil bantu siasatan kes tembak di Kuala Terengganu	BERNAMA
8.	Deadline for safer water	The Star
9.	Gempa bumi sederhana di Laut Sulawesi – Jabatan Meteorologi	BERNAMA



IIM, MIMOS Meterai MoU Untuk Gunakan Ujian Integriti Malaysia

PUTRAJAYA, 2 Sept (Bernama) -- Memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara Institut Integriti Malaysia (IIM) dan [MIMOS](#) akan menyaksikan penilaian psikometrik, yang disebut sebagai Ujian Integriti Malaysia (MIT) bertujuan menilai integriti seseorang individu, digunakan tidak lama lagi.

Presiden IIM Dr Anis Yusal Yusoff berkata ujian itu dibangunkan MIMOS sejak 2009 merupakan cara untuk memprofil kebolehppercayaan, kejujuran dan kecenderungan seseorang itu untuk menegakkan integriti dengan penuh berdisiplin.

"Ini akan membolehkan sesebuah pertubuhan itu membuat keputusan dengan didasari maklumat berhubung proses pengambilan dan perkembangan pekerja," katanya menerusi kenyataan di sini Rabu.

MoU itu yang ditandatangani semalam bertukar-tukar antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low dan [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau](#) di luar Persidangan Anti Rasuah Antarabangsa ke-16 di sini hari ini.

Anis berkata berdasarkan keputusan ujian lima tahun, MIT kini sedia untuk pelaksanaan dalam sektor awam untuk meningkatkan standard integriti penjawat awam.

MIT adalah penilaian psikometrik berasaskan kertas yang boleh digunakan oleh pertubuhan untuk menilai sama ada pemohon pekerjaan dan pekerja sedia ada boleh diharapkan untuk bertindak dengan berintegriti.

-- BERNAMA



Penipuan Duduki Tempat Teratas Dalam Jenayah Siber - CyberSecurity

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Penipuan merupakan kes jenayah siber paling banyak dilaporkan di negara ini sejak lima tahun lepas, kata [CyberSecurity](#).

Ini berdasarkan laporan yang diterima Pasukan Respons Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT), kata [eksekutif kanan Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat CyberSecurity Aaron Ikram Mokhtar](#).

Beliau berkata satu kaji selidik baru-baru ini mendapati rakyat Malaysia menghabiskan masa purata 20 jam seminggu secara dalam talian dan menurut beliau, lebih banyak masa digunakan seseorang secara dalam talian, maka lebih tinggilah risiko yang dihadapinya untuk menjadi mangsa jenayah siber.

"Malah, jika seseorang itu hanya menghabiskan masa sejam seminggu melalui Internet, peluangnya untuk menjadi mangsa jenayah siber ialah kira-kira 64 peratus," katanya ketika berucap dalam sesi 'Safecities and CyberSecurity' pada Pameran dan Persidangan Kebakaran dan Keselamatan Antarabangsa (IFSEC) Asia Tenggara 2015 di sini Rabu.

Beliau berkata, oleh itu persoalannya bukan "adakah seseorang itu akan menjadi mangsa jenayah siber, tetapi bilakah seseorang itu akan menjadi mangsa jenayah siber".

"Untuk mengelak daripada menjadi mangsa, anda perlu meningkatkan tahap kesedaran tentang keselamatan...seperti tidak sekali-kali memandang remeh keperluan mengemaskinikan antivirus komputer anda," kata Aaron Ikram.

Menurut beliau, CyberSecurity telah memperkenalkan program bagi meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan siber dan mendidik pengguna Internet tentang cara melindungi diri daripada menjadi mangsa jenayah siber.

Jenis jenayah siber lain yang dilaporkan termasuk gangguan siber, penafian perkhidmatan, pencerobohan dan jenayah berkaitan kandungan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 34

TARIKH : 3 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)

Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@metro.com.my
Kuala Lumpur

JEREBU MELANDA

Kesan 380 titik panas

■ Bakar Arang, Nilai catat IPU tidak sihat

Dua lokasi iaitu Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah dan Nilai, Negeri Sembilan menunjukkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat, sekali gus menandakan kawasan itu mengalami keadaan jerebu yang teruk.

Mengikut laporan dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) semalam, setakat jam 6 petang kedua-dua lokasi itu merekodkan IPU 101.

Sebanyak 34 lokasi dilaporkan mengalami kualiti udara sederhana dengan sembilan lokasi menghampiri kualiti tidak sihat iaitu IPU 90 ke atas

membabitkan Pelabuhan Klang (100), Banting (99), Shah Alam (98), Seberang Jaya 2, Perai (97), Alor Setar (96), Batu Muda, Kuala Lumpur (94), Cheras (94), Putrajaya (93) dan USM Pulau Pinang (90).

Sebanyak 14 lokasi lagi berada pada tahap udara IPU baik iaitu di bawah IPU 50.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan

Junaidi Tuanku Jaafar melalui kenyataan media memaklumkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura kelmarin melaporkan sebanyak 380 titik panas dikesan di Sumatera, manakala sembilan di Kalimantan.

"Berdasarkan laporan Model Hysplit Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), situasi jerebu yang melanda negara sekarang adalah kesan dari asap jerebu

titik panas di Sumatera yang didapati bergerak merentasi wilayah Riau hingga ke arah perairan kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

"Laporan itu juga menunjukkan asap jerebu sederhana dan tebal dari titik panas di wilayah Kalimantan Barat dan Selatan dijangka merentasi sempadan barat Sarawak dan menghala ke Laut

China Selatan," katanya.

Sementara itu Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional MetMalaysia Dr Mohd Hisham Mohd Arip berkata, situasi jerebu yang melanda negara dijangka tidak reda sehingga tamat musim monsun barat daya yang dialami ne-

gara sekarang.

"Kita tidak pasti sama ada ia akan reda dalam tempoh dua hingga tiga minggu ini kerana berlaku perubahan pada arah tiupan angin di samping pertambahan titik panas di Sumatera iaitu dari 220 titik kepada 380 titik kelmarin.

"Hampir keseluruhan negeri di pantai barat semenanjung kini berdepan situasi jerebu dengan sebahagian besarnya membabitkan kawasan Lembah Klang.

"Bagi kualiti udara di Sarawak pula, kita dapati ia semakin baik disebabkan perubahan pada arah tiupan angin iaitu dari tenggara ke timur," katanya.

FAKTA
Jerebu dijangka tidak akan reda dalam tempoh dua hingga tiga minggu

PEMANDANGAN di Jati Kuala Kedah kelihatan kabur berikutan jerebu.



ANGGOTA polis trafik mengawal lalu lintas dalam keadaan berjerebu di Kuala Lumpur, semalam.

MBAS
Imbas untuk video

FOTO: 1. JEREBU MELANDA, 2. JEREBU MELANDA, 3. JEREBU MELANDA, 4. JEREBU MELANDA, 5. JEREBU MELANDA, 6. JEREBU MELANDA, 7. JEREBU MELANDA, 8. JEREBU MELANDA, 9. JEREBU MELANDA, 10. JEREBU MELANDA



Jerebu: Wan Junaidi Suarakan Kebimbangan, Lebih Banyak Titik Panas Dikesan

Oleh Voon Miaw Ping

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar mengulangi kebimbangannya berhubung kemerosotan kualiti udara di negara ini, apabila semakin banyak titik panas dikesan di Sumatera.

"Saya memantau situasi ini setiap hari dan ia amat membimbangkan.

"Laporan daripada Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC) yang saya terima pagi ini menunjukkan terdapat 308 titik panas dikesan di Sumatera," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Wan Junaidi berkata beliau turut menyampaikan taklimat dalam mesyuarat mingguan Kabinet hari ini berhubung situasi cuaca terkini, dan berharap untuk bertemu rakan sejawatannya di Indonesia untuk membincangkan perkara itu.

Isu lain yang akan diketengahkan dalam mesyuarat yang dicadangkan pada 17 dan 18 Sept di Jakarta itu adalah Memorandum Persefahaman Malaysia-Indonesia bagi menangani isu jerebu rentas sempadan, yang dipersetujui semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Menteri-Menteri Sub-Serantau (MSC) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan ke-17, katanya.

"Dalam hubungan ini, kami berharap dapat memuktamadkan MoU semasa lawatan ini," kata Wan Junaidi.

Bagaimanapun, beliau berkata sehingga kini, beliau masih belum menerima jawapan daripada Menteri Alam Sekitar Indonesia berhubung permohonan beliau untuk mengadakan mesyuarat dua hala itu.

Selain Indonesia dan Malaysia, Singapura, Thailand dan Brunei turut bersetuju untuk mempertingkatkan usaha bagi menangani masalah jerebu rentas sempadan dalam mesyuarat yang diadakan di Jakarta pada 28 Julai lepas.

Sementara itu, **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) Datuk Che Gayah Ismail** berkata belum ada keperluan untuk melakukan operasi pembenihan awan di Lembah Klang bagi meredakan masalah jerebu.

Beliau berkata ini disebabkan kualiti udara masih dalam lingkungan tahap sihat manakala operasi pembenihan awan akan hanya dilakukan apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dicatatkan di kawasan tertentu adalah 101 ke atas selama lebih 72 jam atau tiga hari berturut-turut, dan dikategorikan sebagai tidak sihat.

"Pada masa ini, belum ada keperluan untuk melakukan pembenihan awan. Bagaimanapun, sebaik sahaja kualiti udara mencecah paras tidak sihat, MET dan TUDM (Tentera Udara Diraja Malaysia) akan melakukan operasi itu," katanya kepada Bernama.

Menurut Jabatan Alam Sekitar, bacaan IPU antara 101 hingga 200 dikategorikan sebagai tidak sihat, manakala bacaan bagi kategori sederhana pula adalah 51 hingga 100.

Che Gayah berkata kejayaan operasi pembenihan awam juga tertakluk kepada terdapatnya keadaan awan dan cuaca yang bersesuaian.

Katanya Malaysia perlu bertahan dengan keadaan cuaca berjerebu yang berlaku sekarang sehingga hujung September jika aktiviti pembakaran terbuka di Sumatera, Indonesia, berterusan.

Beliau berkata ini disebabkan negara ini mengalami monsun barat daya yang membawa angin dari arah barat daya ke Semenanjung.

"Jadi, jika terdapat aktiviti pembakaran terbuka di Sumatera, tiupan angin itu akan membawa asap ke sini. Keadaan ini akan berterusan sehingga hujung September, yang merupakan permulaan musim antara monsun," katanya.

Musim antara monsun akan membawa lebih banyak taburan hujan pada Oktober dan bulan seterusnya, serta boleh mengakibatkan banjir kilat di negari pantai barat, katanya.

-- BERNAMA

380 hotspots detected

Dept: Rain helping to clear haze and put out fires

By HANIS ZAINAL
haniszainal@thestar.com.my

PETALING JAYA: The haze could become worse should the smoke from hotspots in neighbouring Indonesia cross over to the country.

There are currently 380 hotspots in Sumatra and nine in Kalimantan, up from 200 on Monday, according to the Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Dr Wan Junaidi said the Environment Department was closely monitoring the situation.

The department, he said, was monitoring the status and trend of air quality hourly due to the uncertainty of the haze (pattern).

The increase in the number of hotspots in Sumatra and Kalimantan could potentially cause the haze (in Indonesia) to cross the border into the West Coast of Malaysia and Sarawak, he said yesterday.

"Seven hotspots have been identified in the country, one in Sabah and the other six in Pahang," said Dr Wan Junaidi.

The Fire and Rescue Department's assistant director-general (operations) Zulkarnain Mohd Kassim said the department would also closely monitor the hotspots.

"Now it's still raining quite a lot,

so it helps us in putting out the hotspots quite fast," Zulkarnain said.

He said the rain meant there were fewer hotspots this year than during the same period last year, adding that the department was prepared to respond fast should the hotspots in the country increase.

The Malaysian Meteorological Department's National Weather Centre senior meteorologist Dr Hisham Mohd Anip said the dry season started late this year, which could explain the delayed presence of hotspots and haze.


"It usually starts in July but we had a lot of rain in July and August this year.

"The rainfall is considered above normal as during the south-west monsoon season, the rainfall is normally very little," said Hisham.

He said the situation was similar in Indonesia, which was why the haze season started late this year.

"We are lucky this year, because the haze only started last week (in this country) and will hopefully clear out in two to three weeks when the inter-monsoon season starts," he said.

As of 6pm yesterday, the Air Pollutant Index reached the unhealthy level in two areas - Bakar Arang in Sungai Petani (103) and Nilai, Negri Sembilan (101).



Missing link: Penang Bridge shrouded by haze at 12.30pm yesterday. — ZHAFARAN NASIB/The Star

Haze advisory issued to schools in Penang

GEORGE TOWN: All schools in Penang have been advised to cut down on outdoor activities if the haze situation worsens.

A circular from the Education Ministry released some time last week stated that all outdoor activities should be reduced or stopped if the Air Pollutant Index (API) readings in the area went above 150.

State Education Department director Datuk Osman Hussain replied in a text message that the ministry had its own standard operating procedure and it had been circulated to all schools in Penang.

Meanwhile, several areas in the northern states were shrouded in haze yesterday.

In Penang, the Department of



Environment online portal recorded the API readings in Seberang Jaya 2 at 88 from 6am until 8am and 97 at 11am.

The monitoring station at Universiti Sains Malaysia showed 81 at 11am. In Prai, the API was 75 at 11am. In Alor Setar, the API was 86 at 11am.

Over in Bakar Arang, Sungai Petani, the API reading reached the unhealthy level of 103 at 4pm. The reading was 91 at 11am.

An API reading of between 0 and

50 is considered good, 51 to 100 (moderate), 101 to 200 (unhealthy), 201 to 300 (very unhealthy) and 301 and above (hazardous).

The horizontal visibility level recorded by the Malaysian Meteorological Department monitoring stations in Bayan Lepas was 4km while it was only 2km in Butterworth at 8am.

Data from the Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC) website showed there were 380 hot-spots in Sumatra on Tuesday.



Empat Individu Dipanggil Bantu Siasatan Kes Tembak Di Kuala Terengganu - Polis

SETIU, 2 Sept (Bernama) -- Polis Terengganu telah merakam percakapan empat individu bagi membantu siasatan seorang lelaki yang ditembak di Jalan Hiliran di sini Khamis lepas.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Rosli Ab Rahman berkata kesemua mereka termasuk ahli keluarga mangsa telah tampil memberi keterangan pada Jumaat lalu.

Katanya sehingga kini tiada tangkapan dilakukan dan pihaknya tidak menolak kemungkinan motif utama kejadian itu adalah untuk melarikan kenderaan pacuan empat roda Toyota Hilux milik mangsa.

"Siasatan lanjut berhubung kes tembakan ini masih dijalankan dan hasil pemeriksaan kita dapati ada kesan umpilan dan menemui dua kesan cap jari pada kenderaan tersebut.

"Kita masih menunggu keputusan cap jari tersebut dan yakin dapat mengesan suspek yang terlibat," katanya ketika dihubungi Bernama di sini Rabu.

Dalam kejadian 9 malam itu, mangsa yang berusia 28 tahun cedera di bahu selepas terkena tembakan yang dilepaskan penjenayah yang cuba melarikan kenderaannya.

Rosli berkata sebanyak lima das tembakan dilepaskan dalam insiden itu dan salah satunya terkena bahu mangsa dan pihaknya percaya seramai tiga suspek terlibat dalam kes tersebut.

"Kita juga akan bekerjasama dengan Polis Kelantan bagi mengenal pasti suspek tersebut dan kumpulan yang aktif mencuri kenderaan pacuan empat roda di sekitar negeri itu," katanya.

Beliau berkata peluru dalam kes itu telah dihantar ke makmal **Jabatan Kimia** untuk ujian balistik dan memerlukan dua minggu untuk mendapatkan keputusan ujian berkenaan.

Justeru beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung insiden itu untuk tampil ke balai polis berhampiran.

--BERNAMA

Deadline for safer water

Health Ministry wants all water vending machines licensed by Jan 1

PUTRAJAYA: Beginning Jan 1, the Health Ministry will require all water vending machines to be licensed under Regulation 360C(4) of the Food Regulations 1985.

A two-year licence would cost RM150, and each licence will only be valid for one machine.

Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam said although vend- ed water was added to the list of regulated food substance in 2012, the Government decided not to enforce the requirement immedi- ately to give operators time to adjust to the ruling.

"Even now we are giving them several more months to apply for the licences.

"So, please don't wait till the last minute. Apply now and display the licence so that the public can be assured that the water is safe for consumption," he told newsmen before chairing the ministry's post-Cabinet meeting here yester- day.

Dr Subramaniam said that after Jan 1, health officers would conduct random checks and operators with unlicensed machines could be fined up to RM5,000 or jailed two years.

He added that so far, about 2,540 applications had been received and 59 had been approved.

"The remaining applications are being processed.

"It is taking time because appli- cants need to provide quality test reports from the **Chemistry Department**.

"Nearly 1,700 of the remaining applications do not have sufficient details," he said.

Dr Subramaniam added that since August last year, 630 machines had been checked and 786 water samples were taken for tests.

He said 22 of the machines had been found to have contaminated water and breached Regulation 360C(3) of the Food Regulations 1985 and had been confiscated.



Health hazard: A man collecting water from a water vending machine in Subang Jaya. — AZHAR MAHEOF / The Star

Danger in your drink

Harmful bacteria are lurking in water vending machines, a popular source of drinking water for those residing in high-rise buildings. Random samples taken from machines in the Klang Valley have been found to contain E. coli.

Tainted water: A flashback of the water vending machine story which appeared in 'The Star' last year.



Gempa Bumi Sederhana Di Laut Sulawesi - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter berlaku di Laut Sulawesi pada pukul 9.18 pagi Rabu.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan hari ini berkata, pusat gempa berada di 4.4 utara dan 124.8 timur, 698km timur laut Semporna, Sabah serta 202km barat laut Pulau Talaud, Indonesia.

Gempa dengan kedalaman 319km itu tidak menimbulkan ancaman tsunami ke Malaysia, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA